



# KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI

TAHUN 2025 (JULAI)

UNIT INTEGRITI DAN  
PEMODENAN PENTADBIRAN



YUSOF (kiri) dan Andi Muhammad Suryady mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, Kota Kinabalu. Gambar kecil, Tei.

#### Kota Kinabalu

Dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah dan seorang ahli perniagaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan rasuah berkaitan lesen perlombongan mineral di negeri itu pada 2023.

Adun Sindumin Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob, Adun Tanjung Batu Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy dan ahli perniagaan, Datuk Tei Jiann Cheing membuat pengakuan itu selepas pertuduhan berasingan berkaitan kes rasuah itu dibacakan kepada mereka di hadapan Hakim Jason Juga.

Yusof, 69, yang juga Pe-

# 2 ADUN nafi terima suapan

*Didakwa atas pertuduhan rasuah berkaitan lesen perlombongan mineral di Sabah pada 2023*

ngerusi Qhazanah Sabah Berhad didakwa atas satu pertuduhan menerima wang suapan RM200,000 daripada Tei sebagai dorongan membantu menguruskan permohonan *prospecting licence* untuk cari gali mineral di Sabah di sebuah hotel di sini, pada jam 2 petang, 6 Mac 2023.

Andi Muhammad Suryady, 44, yang juga Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah serta Ahli Parlimen Kalabakan didakwa menerima wang suapan RM150,000 daripada Tei sebagai dorongan membantu menguruskan permohonan yang sama

untuk cari gali mineral di Sabah di kediaman Adun itu di sini, pada 11 malam, 12 Mei 2023.

Tei, 36, pula didakwa atas dua pertuduhan memberikan wang rasuah masing-masing kepada Yusof dan Andi Muhammad Suryadi di lokasi, masa dan tarikh yang sama.





Tertuduh (tengah) dipenjara tiga bulan dan denda RM20,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Isnin.

## Bekas pembantu tadbir dipenjara tiga bulan pecah amanah

**KUANTAN** - Seorang bekas pembantu tadbir sebuah pejabat Felda dipenjara tiga bulan dan didenda RM20,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas tuduhan pecah amanah wang khairat kematian kira-kira tujuh tahun lalu.

Hakim Sazlina Safie memerintahkan hukuman penjara ke atas Nurul Syafiha Awang Za, 36, bermula dari tarikh dia disabitkan.

Ibu kepada tiga anak itu turut berdepan hukuman penjara enam bulan sekiranya gagal menjelaskan denda.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh diamanahkan wang tunai RM41,652 untuk bayaran khairat kematian kepada tujuh waris peneroka Felda Sungai Panching Timur di sini yang meninggal dunia.

Bagaimanapun dia didakwa telah melakukan pecah amanah apabila secara tidak jujur menggunakan wang

tersebut bagi kegunaan sendiri.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Felda Panching Timur antara Februari 2018 hingga Jun 2019.

Peguam, Datuk Syed Azimal Syed Abu Bakar yang mewakili tertuduh terdahulu memohon kepada mahkamah hukuman penjara dan denda minimum ke atas anak guamnya itu.

Dalam rayuan berkenaan, Syed Azimal memberi alasan pengakuan bersalah tertuduh telah menjimatkan masa dan kos mahkamah.

Rayunya lagi, selepas ditahan pada 2021, anak guamnya tidak bekerja dan bergantung sepenuhnya kepada suami.

Pihak pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kamariah Seman tiada bantahan terhadap rayuan itu, sebaliknya menyerahkannya atas budi bicara mahkamah.



## Skandal rasuah Sabah: SPRM siasat taikun Singapura

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memulakan siasatan terhadap seorang taikun syarikat Singapura berhubung skandal rasuah perlombongan di Sabah.

Menurut sumber, satu artikel merujuk seorang taikun syarikat Singapura yang dikatakan pembiaya skandal rasuah membabitkan Datuk Albert Tei serta beberapa pemimpin UMNO Sabah.

"SPRM telah memulakan siasatan untuk mengesahkan maklumat tersebut," katanya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri ketika dihubungi mengesahkan perkara tersebut dan menyatakan

SPRM akan memanggil saksi berkaitan untuk dirakam percakapan dalam masa terdekat untuk membantu siasatan.

Pada Isnin lalu, dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah dan seorang ahli perniagaan bergelar Datuk masing-masing mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan rasuah di Mahkamah Rasuah Khas Kota Kinabalu.

Ketiga-tiga tertuduh iaitu ADUN Sindumin, Datuk Dr Yusof Yacob dan ADUN Tanjung Batu, Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy serta Datuk Tei Jiann Cheing atau dikenali Albert Tei membuat pengakuan tidak bersalah itu di hadapan Hakim Jason Juga selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka.

Sinar Harian - 3/7/2025 - Khamis



SINAR HARIAN  
03.07.2025 (KHAMIS)



# SPRM mula siasat projek MyKiosk

KPKT alu-alukan siasatan pihak berkuasa sebagai komitmen terhadap integriti dan ketelusan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
*SHAH ALAM*

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memulakan siasatan berkaitan dakwaan wujudnya amalan rasuah dan penyelewengan berhubung tender pembinaan MyKiosk oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Siasatan itu dijalankan selepas SPM menerima aduan daripada sebuah parti politik berkaitan perkara berkenaan.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPM, Datuk Zainul Darus berkata, SPM telah menjalankan siasatan awal berhubung aduan tersebut.

"Pada masa yang sama, Bahagian Penyiasatan Tatakelola (BPT) juga telah

memulakan proses penyiasatan secara serentak.

"Selain KPKT yang telah mengemukakan laporan penuh berhubung proses dan pemberian tender berkaitan, beberapa pihak terlibat turut memberi beberapa dokumen berkaitan projek ini," katanya pada Rabu.


Tambahnya, dalam siasatan ini, SPM akan memberi tumpuan kepada dua perkara iaitu pengesanan sekiranya wujud amalan rasuah dan penyelewangan dalam proses tender.

"Tindakan penyiasatan dibuat berdasarkan kesalahan di bawah Akta SPM 2009," ujarnya.

Sementara itu, KPKT dalam satu kenyataan menegaskan komitmennya terhadap integriti dan ketelusan apabila mengalu-alukan siasatan SPM berhubung pelaksanaan inisiatif MyKiosk.

Kementerian itu memaklumkan pihaknya telah secara sukarela menyerahkan dokumen berkaitan pelaksanaan MyKiosk kepada SPM pada 22 Mei lalu.

Jelas KPKT lagi, ini sebagai langkah proaktif dalam memastikan inisiatif kerajaan dilaksanakan secara telus dan bebas daripada sebarang unsur penyelewangan.



SPRM akan memberi tumpuan kepada dua perkara iaitu pengesanan sekiranya wujud amalan rasuah dan penyelewangan dalam proses tender pembinaan MyKiosk.



## SPRM Sabah tahan 4 individu, bongkar tuntutan palsu bernilai RM5 juta

**KOTA KINABALU** - Empat individu termasuk dua pemilik syarikat direman empat hari bagi membantu siasatan berkaitan dokumen mengandungi butir matan palsu perolehan percetakan dokumen Permit To Work (PTW) bernilai kira-kira RM5 juta.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Dzul Elmy Yunus sehingga 5 Julai ini terhadap tiga suspek lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 40 hingga 50-an selepas membenarkan permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, pada Selasa.

Menurut sumber, semua suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Sabah sekitar jam 6 petang hingga 7 malam pada Isnin.

Keempat-empat suspek termasuk dua daripadanya merupakan bekas pengurus tadbir dan pembantu tadbir sebuah syarikat minyak tempatan dipercayai melakukan perbuatan itu sejak 2019 sehingga 2023.



Suspek dibawa ke Mahkamah Kota Kinabalu untuk perintah remah.

Kedua-dua suspek disyaki ber-subahat dengan kedua-dua pemilik syarikat dengan mengemukakan tuntutan palsu.

Menurut sumber, tangkapan terhadap semua suspek susulan Op Effingo dijalankan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM.

Pada 30 Jun 2025, BOK menggeledah 10 lokasi berbeza termasuk kediaman, pejabat dan beberapa syarikat di sekitar Kota Kinabalu dan Lembah Klang.

Melalui operasi dijalankan, SPRM menyita 22 akaun bank termasuk akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) bernilai RM2 juta dan pelbagai mata wang asing berjumlah RM14,000.

Selain itu, SPRM turut menyita tiga kereta mewah berharga kira-kira RM1.3 juta selain tiga telefon bimbit.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi, mengesahkan penahanan tersebut.

"Suspek akan dituduh mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan kesalahan lain di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA) 2001 berkaitan aktiviti pengubahan wang haram," katanya.



## BERITA HARIAN 03.07.2025 (KHAMIS)



# Ketua jabatan di MPAJ didakwa terima rasuah RM30,000

**Ipoh:** Seorang ketua jabatan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas dua pertuduhan menerima rasuah RM30,000, dua tahun lalu.

Pengarah di Jabatan Bangunan dan Seni Bina MPAJ, Ahmad Alhairi Mohamed Yusuf, 47, mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarkan atas kedua-dua pertuduhan sebaik dibacakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menerima wang tunai RM20,000 melalui akaun miliknya tanpa balasan daripada Nazman Puteh, 64, yang diketahui mempunyai hubungan dengan tugas rasmi tertuduh.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menerima wang tu-

nai RM10,000 melalui akaun Maybank miliknya daripada Nazman menerusi melalui Song Teik Sun, 61, dan Wong Huey Peng, 37.

Kedua-dua perbuatan didakwa dilakukan di Maybank Cawangan Taiping, dalam daerah Larut, Matang dan Selama pada 2 November 2023.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Bendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Asmaa' Zamri dan Muaz Ahmad Khairuddin, manakala tertuduh diwakili peguam Khairul Nizam Abd Razak.

Asmaa' menawarkan jaminan RM15,000 untuk kedua-dua pertuduhan berserta syarat tam-



Ahmad Alhairi mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh atas dua pertuduhan menerima suapan RM30,000. (Foto L Manimaran/BH)

bahan tertuduh perlu menyerahkan pasport antarabangsa, selain melaporkan diri ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor, Shah Alam pada Sabtu pertama setiap bulan sehingga kes selesai.

Khairul Nizam bersetuju dengan syarat tambahan itu namun memohon jumlah jaminan dikurangkan kepada RM10,000.

Jaminan rendah yang dimohon oleh Khairul Nizam juga me-

pada 27 Mac lalu.

Bagi pertuduhan ketiga, kira-kira jam 3 pagi pada 6 Jun lalu, bertempat di Pejabat Pegawai Penyiasat Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah, tertuduh didakwa memiliki gambar lucu milik mangsa sama di dalam telefon bimbitnya.

Dia didakwa melakukan kesalan itu mengikut Seksyen 292 KK, jika disabitkan kesalan boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau dengan denda atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Hanis Aliah Ahmad Kamarulnajib, mencadangkan jaminan RM24,000 bagi semua pertuduhan oleh seorang penjamin, namun peguam bela, Baharudin Baharim, merayu jumlah itu dikurangkan atas alasan anak guamnya bekerja sendiri dan menanggung empat anak, tiga daripada bersekolah.

Beliau berkata, tertuduh yang ditinggalkan suami sejak itu tiada risiko mlarikan diri malah bekerjasama penuh.

Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM10,000 dengan seorang penjamin berserta dua syarat tambahan yang dimohon.

Hakim menetapkan 19 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi serahan dokumen.

Berita Harian - 3/7/25 - Ichams



BERITA HARIAN  
03.07.2025 (KHAMIS)



SPRM tahan dua bekas pegawai syarikat minyak dan dua pemilik syarikat.

(Foto ihsan SPRM)

# 4 direman disyaki palsukan dokumen permit kerja RM5j

## 22 akaun bank, tiga kereta mewah, RM1.3 juta antara disita SPRM

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat individu, termasuk dua bekas pegawai syarikat minyak terkemuka dan dua pemilik syarikat kerana disyaki terbabit dalam pemalsuan dokumen perolehan Permit To Work (PTW) bernilai kira-kira RM5 juta.

Semua suspek ditahan menerusi Op Effingo yang dilancarkan Bahagian Operasi Khas (BOK), SPMR di Kota Kinabalu, Sabah.

Menurut sumber, tangkapan

membabitkan tiga lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 40 hingga 50-an.

Katanya, mereka ditahan antara jam 6 petang hingga 7 malam, Isnin lalu ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Sabah.

"Keempat-empat suspek, dua daripadanya adalah bekas pengurus tadbir dan bekas pembantu tadbir sebuah syarikat minyak tempatan, dipercayai melakukan perbuatan itu dari 2019 hingga 2023.

"Kedua-dua suspek disyaki bersubuh dengan dua pemilik syarikat untuk mengemukakan tuntutan palsu berkaitan percetakan dokumen PTW bernilai kira-kira RM5 juta," katanya.

### Serbut 10 lokasi berbeza

Pada hari sama, BOK melancarkan serbuan ke atas 10 lokasi berbeza termasuk kediaman suspek, pejabat dan beberapa syarikat di sekitar Kota Kinabalu dan Lembah Klang.

"Melalui operasi itu, SPRM menyita 22 akaun bank, termasuk akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) bernilai kira-kira RM2 juta, selain pelbagai mata wang asing berjumlah RM14,000.

"Turut disita, tiga kereta mewah kira-kira RM1.3 juta dan tiga telefon bimbit," katanya.

Sumber berkata, semua suspek kini direman empat hari bermula kelmarin untuk siasatan.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Dzul Elmy Yunus di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, kelmarin.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, ketika dihubungi, semalam mengesahkan tangkapan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 serta peruntukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari pada Aktiviti Haram 2001 (AM-LATPUAA)," katanya.



HARIAN METRO  
04.07.2025 (JUMAAT)



## SPRM tahan pengurus kanan GLC disyaki rasuah

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah menahan seorang pengurus kanan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di negeri itu, kerana disyaki meminta dan menerima wang rasuah berjumlah RM16,000 sebagai balasan untuk mendapatkan kerja di bawah GLC itu.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia sekitar 50-an itu, ditahan 4 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPM Sabah.

"Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan itu se-

kitar tahun lalu dan menerima wang rasuah bernilai kira-kira RM16,000.

"Suspek dipercayai menerima suapan secara transaksi pindahan ke akaun bank miliknya secara berperingkat, sebagai balasan untuk mendapatkan kerja-kerja membaik pulih di bawah GLC tersebut di sekitar Sabah,"

menurut sumber. Sementara itu, Pengarah SPM Sabah Datuk S. Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPM 2009. -Bernama



## 'Datuk' direman kes ubah wang haram RM75 juta

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang pengarah syarikat bergelar Datuk kerana disyaki terbabit dalam pengubahan wang haram bernilai kira-kira RM75 juta.

Perintah reman selama empat hari sehingga 6 Julai ini terhadap suspek dikeluarkan Majistret, Irza Zulaikha Roha-nuddin, selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majis-tret Putrajaya, pagi semalam.

Sumber berkata, suspek lela-ki berusia lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira jam 4 petang kelmarin, ketika hadir mem-beri keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

"Suspek dipercayai melaku-kan perbuatan itu pada ta-hun 2012 bagi kelulusan pem-biayaan pinjaman berjumlah RM400 juta untuk sebuah pro-jeck pembangunan rangkaian gentian fiber.

"Siasatan awal mengesyaki RM75 juta itu disalurkan kepa-da syarikat milik suspek," ka-

tanya di sini, semalam.

Sumber berkata, tangkapan terhadap suspek itu adalah su-sulan Ops Fibre yang dijalankan Bahagian Operasi Khas (BOK), SPRM.

Pada 30 Jun 2025, BOK mengeledah empat lokasi berbe-za termasuk kediaman dan pe-jabat suspek di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

"Melalui operasi yang dija-lankan, SPRM membekukan 12 akaun bank termasuk akaun persendirian dan syarikat ber-nilai kira-kira RM400,000," ka-tanya.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, ketika di-hubungi mengesahkan tangka-pan suspek yang kini disiasat mengikut kesalahan-kesalahan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pem-biayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) yang membabitkan aktiviti penguba-han wang haram.



## ***SPRM bantu JKM Sarawak perkasa integriti tatakelola***

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak mengadakan satu sesi Pembentangan Laporan Penambahbaikan Tatakelola anjuran kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak di Pejabat JKM Sarawak baru-baru ini.

Sesi pembentangan itu

diketuai Pengarah SPRM Negeri Sarawak Hasbilah Mohamad Salleh.

Turut serta pada sesi pembentangan itu adalah Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Sarawak, Wan Ahmad Nidzam Wan Omar dan Ketua Cawangan Penyiasatan Tatakelola SPRM Sarawak, Mohd Hamzah Abdullah.

JKM Sarawak pula diwakili Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak Semawi Mohamad.

Sebanyak empat kelemahan dikenal pasti dan tujuh penambahbaikan dibincangkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk dilaksanakan JKM Sarawak.

Antara cadangan penambahbaikan adalah seperti memperkenalkan *job rotation* (penggiliran tugas) untuk tempoh tiga tahun bagi setiap pegawai dan kakitangan JKM yang beruruskan langsung dengan pihak pembekal untuk pembelian peralatan bantuan.

Turut dicadangkan ada-

lah pendedahan melalui taklimat awal berkaitan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) kepada pembekal.

Cadangan turut mewajibkan pegawai yang terbabit dalam pengurusan kewangan hadir Kursus Tatcara Kewangan.

Selain itu wujud cada-

ngan untuk meletakkan klausa peringatan mengenai larangan menerima sebarang bentuk ganjaran atau hadiah daripada pembekal.

Tindakan tegas juga perlu diambil dengan mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai yang tidak hadir dalam mesyuarat penilaian.





## Mahu pinjam RM400 juta, Datuk rasuah CEO bank RM8 juta

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengesan hasil pengubahan wang haram membabitkan pengarah syarikat bergelar Datuk yang disembunyikan di akaun luar pesisir pantai dan Labuan sebelum dilaburkan semula ke syarikat pelaburan tidak wujud dan pinjaman wang tidak berlesen.

Menurut sumber, siasatan awal mendapati pengarah syarikat terbabit didakwa mewujudkan syarikat penipuan pelaburan dengan mencari mangsa termasuk golongan orang kenamaan (VIP).

"Syarikat pelaburan itu mula wujud sekitar tahun 2018 selepas projek awal berkaitan fiber optik tidak dijalankan menggunakan wang yang diseleweng hasil pinjaman daripada bank.

"Suspek bukan sahaja mewujudkan syarikat penipuan pelaburan malah turut menubuhkan syarikat lain yang menawarkan pinjaman wang tidak berlesen," katanya pada Jumaat.

Tambah sumber, siasatan awal SPMR juga mendapati pengarah syarikat itu turut memberi rasuah RM8 juta kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bank bagi meluluskan pinjaman RM400 juta walaupun syarikatnya itu tidak menuhi syarat.

Jelasnya, siasatan kini tertumpu kepada tiga skop iaitu membabitkan pengubahan wang haram hasil pinjaman tidak dibayar semula, skim pelaburan tidak wujud dan hasilnya disembunyikan di akaun luar pesisir pantai dan menawarkan pinjaman tidak berlesen.

Kata sumber, SPMR juga sedang mengesan semula aliran wang terbabit yang 'di-layer' menggunakan proksinya termasuk rasuah diberikan kepada CEO bank terbabit.

"Lebih ramai saksi orang awam dan beberapa individu lain akan dipanggil SPMR bagi membantu siasatan," katanya.

*Sinar Harian* pada Khamis melaporkan suspek lelaki berusia 50-an ditahan reman empat hari sehingga 6 Julai untuk siasatan kes pengubahan wang haram bernilai kira-kira RM75 juta.

Suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut pada tahun 2012 bagi kelulusan pembiayaan pinjaman berjumlah RM400 juta untuk sebuah projek pembangunan rangkaian fiber.



# SPRM bongkar kartel susu tepung

Dibekal ke sebuah jabatan kerajaan dengan tidak memenuhi piawaian bernilai kira-kira RM120 juta

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
KUALA LUMPUR



AZAM

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membongkar kartel pembekalan susu tepung ke sebuah jabatan kerajaan yang tidak memenuhi piawaian standard SIRIM Berhad (SIRIM) bernilai kira-kira RM120 juta.

Ia susulan satu operasi berspaduk SPRM dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM) di sini pada Selasa.

Serbuan ke atas tiga kediaman dan sebuah syarikat telah menyiasat tiga beranak yang terdiri daripada dua pemilik dan seorang pengarah syarikat.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri berkata, kesemua premis tersebut disyaki menyimpan segala dokumen berkaitan kontrak pembekalan susu tepung yang dipercayai sejak tahun 2019.

Menurutnya, syarikat milik pasangan suami isteri tersebut dipercayai telah memonopoli tender pembekalan susu tepung



Pegawai LHDN memeriksa dokumen dalam serbuan sebuah syarikat di Kuala Lumpur pada Selasa.

**Mahkamah & Jenayah**

tersebut sejak 20 tahun lalu.

"Seramai tiga suspek berusia 40 hingga 70-an terdiri daripada pasangan suami isteri serta anaknya telah dipanggil ke SPRM Kuala Lumpur pada jam 10 pagi tadi (Selasa) menerusi Op White yang dijalankan Bahagian Operasi Khas (BOK)

bersama LHDN dan juga BNM.

"Kesemua suspek melalui syarikat mereka disyaki membekalkan susu tepung ke sebuah jabatan kerajaan seluruh semenanjung Malaysia yang tidak memenuhi piawaian keselamatan makanan sejak tahun 2021 hingga 2024 dan bermula 2024 hingga 2027 kontrak pembekalan meliputi dua zon sahaja

iaitu Zon Selatan dan Pantai Timur," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Azam berkata, serbuan dilakukan berpandukan maklumat hasil risikan kira-kira tiga bulan.

Tambahnya, seorang lagi anak pasangan suami isteri tersebut yang juga merupakan pengarah syarikat kini berada di luar daerah atas urusan kerja dan telah diarahkan pulang untuk dirakam keterangan.

Ujarnya, dalam serbuan berkenaan, SPRM turut membekukan sebanyak 75 akaun yang terdiri daripada 24 akaun individu dan 51 akaun syarikat berjumlah kira-kira RM156 juta.

"Siasatan kini menjurus kepada kesalahan di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009 selain penyiasatan turut mengenal pasti elemen-elemen kesalahan jenayah lain khususnya di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATPUAA) 2001 yang melibatkan aktiviti pengubahan wang haram dan juga Akta Cukai Pendapatan 1967," jelasnya.



SINAR HARIAN  
10.07.2025 (KHAMIS)



## SPRM serbu kilang proses susu

Disyaki dalam kartel pembekalan susu tepung ke sebuah jabatan kerajaan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
SHAH ALAM

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu sebuah kilang pemprosesan susu dan dua buah syarikat di sekitar Lembah Klang kerana disyaki mendalangi kartel pembekalan susu tepung ke sebuah jabatan kerajaan yang tidak memenuhi piawaian standard SIRIM Berhad (SIRIM).

Serbuan pada Rabu itu merupakan rentetan daripada maklumat yang diperoleh daripada siasatan terhadap tiga beranak.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri berkata, serbuan ke atas kilang pemprosesan susu tersebut bertujuan untuk memeriksa dokumen-dokumen berkaitan kontrak pembekalan susu tepung yang mereka peroleh termasuk dokumen kewangan.

"Serbuan yang dijalankan hari ini (Rabu) adalah rentetan daripada siasatan yang dijalankan ke atas empat beranak semalam (Selasa) dan siasatan awal turut mendapat kebanyakkan syarikat-syarikat yang memperoleh tender pembekalan susu tepung ke jabatan kerajaan ini tiada kaitan



Sebuah kilang pemprosesan susu antara yang diserbu SPRM pada Rabu untuk siasatan kes kartel pembekalan susu tepung.

dalam bidang pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran makanan serta minuman.

"Latar belakang syarikat-syarikat ini terdiri daripada syarikat para-

bot, elektrik, kontraktor, hartanah, pengangkutan dan kejuruteraan awam.

"Ada antara syarikat ini menerima keuntungan 10

hingga 50 peratus hasil daripada pembekalan susu tepung tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Pada Selasa, BOK SPRM menerusi Op White yang dijalankan bersepudu bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara

Malaysia (BNM) telah menyerbu tiga kediaman dan sebuah syarikat sekitar Kuala Lumpur.

Dalam serbuan tersebut, SPRM telah membuka sebanyak 75 akaun yang terdiri daripada 24 akaun individu dan 51 akaun syarikat berjumlah kira-kira RM174 juta.

KARTEL SUSU  
TEPUNG

AZAM

Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin berkata, SPRM tidak melakukannya kerana kemungkinan terdapat monopoli pembekalan susu tepung ke jabatan-jabatan kerajaan



# SPRM sita harta tanah bernilai lebih RM620j dalam siasatan Ops Fibre

**Suruhanjaya turut sita empat unit kenderaan mewah RM2 juta**

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita beberapa harta tanah bernilai lebih RM620 juta dalam siasatan Ops Fibre mem-

babitkan pinjaman sebuah bank.

Antara harta tanah yang disita ialah banglo, kondominium, premis pejabat, lot tanah dan kelab golf yang terletak di sekitar Lembah Klang.

Turut disita, empat unit kendaraan mewah bernilai kira-kira RM2 juta.

Siasatan Ops Fibre dilakukan sejurus kelulusan pembiayaan pinjaman institusi perbankan diberikan kepada sebuah syarikat membabitkan projek pembangunan rangkaian fiber pada tahun 2012, bernilai RM400 juta.

Sumber berkata, suspek juga

diperkatakan pemegang saham dalam kelab golf.

"SPRM membekukan sebanyak 72 akaun yang meliputi akaun persendirian dan syarikat membabitkan nilai kira-kira RM390,000," katanya.

**Rakan percakapan 9 saksi**  
BH difahamkan SPRM turut merakam percakapan sembilan saksi bagi membantu siasatan.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan sitaan dan berkata, notis Pengisytiharan Harta bawah S.36(1) Akta

SPRM 2009 diserahkan kepada suspek dan 23 individu mulai semalam.

Sebelum ini, BH melaporkan, sebuah bank tempatan yang ada kaitan dengan kerajaan diperkatakan kerugian sekurang-kurangnya RM400 juta selepas pinjaman yang dikeluarkan kepada sebuah syarikat penyedia rangkaian kemudahan telekomunikasi bagi melaksanakan projek, diseleweng.

Bank terbabit mengeluarkan pinjaman berkenaan kepada syarikat itu bagi melaksanakan kemudahan kabel gentian optik yang nilai keseluruhannya sekira

RM1.3 bilion, 13 tahun lalu, tetapi projek berkenaan tidak pernah bermula.

BH difahamkan projek swasta itu berkaitan pemasangan talian gentian optik di kawasan pantai Semenanjung sejauh 30,000 kilometer bertujuan meningkatkan keupayaan jalur lebar Malaysia, termasuk menghubungkan negara Asia Tenggara ketika itu.

Sumber kepada BH berkata, dana pinjaman itu diperkatakan tidak digunakan untuk melaksanakan projek, sebaliknya dipindahkan kepada empat entiti bagi kegunaan lain dalam tempoh beberapa tahun.





Seramai 12 individu dirakam keterangan bagi bantu siasatan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI SHAH ALAM

Laporan Sinar Harian berkenaan pembongkaran SPRM berkaitan kartel susu tepung.

# SPRM mula siasat jabatan terkait kartel susu tepung

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah memulakan siasatan terhadap sebuah jabatan kerajaan dikaitkan dengan kes kartel susu tepung.

Menurut sumber, syarikat dikaitkan dengan kes berkenaan membuat pembekalan susu tepung bernilai kira-kira RM120 juta tanpa mematuhi piawaian standard SIRIM Bhd (SIRIM).

"Empat beranak terdiri daripada suami isteri serta dua anak, masing-masing disyaki pemilik dan pengarah syarikat disiasat.

"Sehingga Jumaat, seramai 12 individu sudah dirakam keterangan bagi membantu siasatan," katanya.

Difahamkan sebanyak 24 akaun individu dan 51 akaun syarikat berjumlah RM174.6 juta membabitkan 24 akaun individu serta 51 akaun syarikat."

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi *Sinar Harian* mengesahkan kes berkenaan masih dalam siasatan.

Jelasnya, siasatan dilakukan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 serta juga

susulan penahanan tiga beranak berusia lingkungan 40 hingga 70-an.

Syarikat milik pasangan suami isteri tersebut dipercayai mempunyai monopoli tender pembekalan susu tepung sejak 20 tahun lalu.

Semua suspek melalui syarikat mereka membekalkan produk tersebut ke sebuah jabatan kerajaan, namun ia tidak memenuhi piawaian keselamatan makanan sejak 2021 hingga 2024.

Susulan itu, SPRM menyerbu kilang pemprosesan susu tersebut dan dua buah syarikat di sekitar Lembah Klang.

Siasatan awal turut mendapati, kebanyakan syarikat yang memperoleh tender pembekalan susu tepung ke jabatan kerajaan itu tiada kaitan dalam bidang pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran makanan serta minuman.

“  
Sebelum ini, SPRM telah melaksanakan sitaan berjumlah RM174.6 juta membabitkan 24 akaun individu serta 51 akaun syarikat.”

- Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin

Akta Cukai Pendapatan 1967.

*Sinar Harian* pada Rabu melaporkan SPRM dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bank Negara membongkar perbuatan kartel berkenaan



SINAR HARIAN  
12.07.2025 (SABTU)



Nurhayati (tengah) bersama Izzat Affifi (kanan) sebagai panelis dalam Forum Khas #RuangBelia: Dari Tahu ke Tindak - Lawan Rasuah! yang dikendalikan oleh Ismail di Karangkraf, Shah Alam pada Jumaat

#RasuahBusters seru rakyat berani dan bertanggungjawab putuskan transaksi rasuah

SHAH ALAM

Individu yang ditawarkan dengan sebarang bentuk rasuah perlu berani menolak dan segera melaporkan perkara itu kepada pihak berkuasa bagi memutuskan transaksi tidak bermoral tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (#RasuahBusters), Nurhayati Nordin berkata, penentara rasuah mempunyai kuasa penuh untuk menolak serta menghentikan perbuatan tersebut.

"Walaupun pemberi datang de-

ngan pelbagai bentuk tawaran, perbuatan rasuah tidak akan berlaku sekiranya penerima ber tegas menolak.

"Justeru, perbuatan rasuah itu akan berhenti. Selepas menolak tawaran rasuah, maka segera laporkan," katanya ketika menjadi panelis dalam Forum Khas #RuangBelia: Dari Tahu ke Tindak - Lawan Rasuah! yang berlangsung di Karangkraf, di sini pada Jumaat.

Forum tersebut turut menampilkan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Izzat Affifi Abdul Hamid sebagai panelis, manakala Ismail Adnan bertindak sebagai moderator.

Ahli Dewan Negara merangkap Felo Kehormat Institut Masa Depan Malaysia (MASA), Profesor Emeritus Datuk Seri Dr Awang Sariyan turut

menyampaikan ucapan pada forum berkenaan.

Mengulas lanjut Nurhayati berkata, tindakan untuk menolak rasuah bukanlah sesuatu yang mudah, lebih-lebih lagi apabila ia dilakukan secara terburu.

Justeru, katanya, gerakan seperti #Rasuah Busters diwujudkan bagi menyatukan usaha rakyat agar tidak berjuang secara bersendirian.

"Sistem yang menolak rasuah perlu diwujudkan dan ini bukan kerja seorang diri, sebaliknya memerlukan kerjasama semua pihak," jelasnya.

Nurhayati turut menzhahirkan rasa bangga terhadap kehadiran golongan belia dalam program antirasuah seperti forum khas itu, yang menjadi simbol sokongan serta kesedaran terhadap isu integriti.

RASUAH  
BUSTERS

## Malaysia perlu kaji strategi negara kurang rasuah

SHAH ALAM - Kerajaan dicadangkan supaya mengkaji strategi digunakan negara-negara yang merekodkan kadar jenayah rasuah paling rendah di dunia untuk diterapkan di Malaysia.

Ahli Dewan Negara, Profesor Emeritus Datuk Seri Dr Awang Sariyan berkata, antara negara yang boleh di-contoh ialah Denmark, New Zealand, Finland, Sweden dan Singapura.

Menurutnya, kesemua negara tersebut secara konsisten menduduki tangga teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang mengukur persepsi terhadap tahap rasuah dalam sektor awam di seluruh dunia.

"Jadi, sudah tiba masanya kerajaan melakukan kajian penilaian keberkesanannya terhadap semua inisiatif tersebut untuk ditambah baik, terutamanya dari segi pelaksanaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama dalam Forum Khas #RuangBelia: Dari Tahu ke Tindak - Lawan Rasuah! di Karangkraf, di sini pada Jumaat.

Felo Kehormat Institut Masa Depan Malaysia (MASA) itu berkata, negara berupaya menangani isu rasuah dengan lebih berkesan sekiranya menggunakan strategi yang tepat.

"Kalau kita lihat, negara-negara yang berada di tangga teratas dalam CPI bukanlah negara Islam. Sedangkan Malaysia merupakan sebuah negara Islam. Oleh itu, penting untuk nilai-nilai Islam diterapkan dengan lebih mendalam supaya masyarakat benci dan menolak rasuah," ujarnya.

Awang turut menggesa semua persatuan belia di seluruh negara untuk menjadikan jihad merangka rasuah sebagai agenda penting dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Katanya, usaha memupuk kesedaran menganai bahaya rasuah dalam kalangan golongan muda adalah penting memandangkan mereka bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa hadapan.

Tambahnya, golongan belia perlu lebih berani dan lantang dalam mengkritik pihak berkuasa sekiranya berlaku sebarang tindakan yang bertentangan dengan undang-undang,



AWANG





IZZAT AFIFI

## MBM fokus tangani isu rasuah, dadah

SHAH ALAM - Majlis Belia Malaysia (MBM) memberi tumpuan utama untuk menangani isu rasuah dan dadah yang menjadi ancaman besar kepada generasi muda masa kini.

Presidennya, Izzat Afifi Abdul Hamid berkata, kegagalan menyekat ancaman tersebut boleh memberi kesan buruk kepada usaha melahirkan bakal pemimpin pada masa hadapan.

"Di peringkat MBM, kita memang menganggap isu rasuah dan dadah ini sebagai ancaman besar,

bukan sahaja di peringkat negara, malah turut membabitkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

"Justeru, dua isu sosial yang boleh merosakkan anak muda ini akan kita tentang habis-habisan. Jika kita mampu menyelesaikan dua musuh utama negara ini, saya yakin Malaysia mampu melahirkan lebih ramai pewaris kepimpinan masa depan.

"Atas sebab itu juga, kedua-dua isu ini menjadi antara keutamaan dalam pelaksanaan aktiviti yang

djalankan oleh persatuan atau gerakan belia di seluruh negara," katanya.

Dalam pada itu, MBM turut mencadangkan agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mewujudkan ikon anti-rasuah sebagai satu pendekatan menarik golongan belia untuk membenci gejala tidak sihat tersebut.

Menurutnya, dengan melantik pempengaruh muda yang mempunyai pengikut tersendiri di media sosial, ia mampu memberi kesedaran secara lebih meluas kepada kumpulan berkenaan.

"Kenapa tidak kita wujudkan ikon yang mana rakyat duduk di hadapan – tidak kira artis mahupun bekas pemimpin belia – yang mempunyai pengaruh untuk membawa mesej membenci rasuah.

"Saya melihat perkara ini sebagai usaha yang boleh dilaksanakan sebagaimana agensi-agensi lain turut menampilkan ikon untuk menarik minat golongan muda yang amat dekat dengan media sosial hari ini," katanya.





BERITA HARIAN  
12.07.2025 (SABTU)



# SPRM siti aset Daim, isteri dan ahli keluarga bernilai RM3 bilion

**Pelucuthakan harta luar biasa bernilai tinggi di 11 negara termasuk di UK, AS dan benua Afrika**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaksanakan tindakan penyitaan dan pelucuthakan aset bernilai RM3 bilion membabitkan Allahyarham Tun Daim Zainuddin, isterinya, Toh Puan Na'imah Khalid, ahli keluarga serta sekutunya.

SPRM memaklumkan jumlah itu membabitkan pemilikan aset luar biasa bernilai tinggi di 11 negara termasuk United Kingdom (UK), Amerika Syarikat, Switzerland, Singapura, British Virgin Islands, Kepulauan Cayman, Jersey, Itali, Jepun, Indonesia dan beberapa negara di benua Afrika.

Berikutnya itu, SPMR memperoleh Perintah Halangan mengikut Seksyen 53, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Ha-

ram (AMLATFPAAA) 2001 daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 3 Jun lalu terhadap tujuh aset tak alih dan alih terletak di United Kingdom, yang dianggarkan bernilai RM758 juta.

"Permohonan Bantuan Perundangan Bersama (MLA) kepada pihak berkuasa United Kingdom sedang diproses menerusi Pejabat Peguam Negara, manakala perbincangan lanjut bersama International Anti-Corruption Coordination Centre (IACCC) di UK, sedang diselaraskan bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara teratur dan berkesan," katanya dalam kenyataan semalam.

**Mohon perintah halangan**  
Sementara itu, mengenai penyitaan aset di Singapura dan New Jersey, SPMR memaklumkan permohonan perintah halangan terhadap aset di kedua-dua negara itu juga sudah difaikkan melalui Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 19 Jun lalu dengan pendedaran permohonan berlangsung pada 23 dan 25 Jun 2025.

Katanya, antara aset di Jersey ialah empat akaun bank dan pelaburan bernilai RM1.15 bilion sementara di Singapura merangkumi 12 akaun bank dan pelaburan bernilai RM540 juta.

"Selain itu, permohonan maklumat lanjut berkaitan aset di negara seperti Amerika Syarikat (AS), Switzerland, British Virgin

Islands, Kepulauan Cayman, Itali dan Jepun sedang dikemuka menerusi kerjasama dengan Bank Negara Malaysia, IACCC dan permohonan MLA melalui Pejabat Peguam Negara, bagi membolehkan tindakan lanjut penyitaan dan pelucuthakan aset dilaksanakan secara sah dan menyeluruh," katanya.

Selain penyitaan aset di luar negara, SPMR turut membuat sitaan harta di dalam negara ini membabitkan Menara Ilham, di Kuala Lumpur.

"SPRM memperoleh perintah penyitaan terhadap Menara Ilham pada 4 Jun lalu dan tindakan sitaan dilaksanakan sehari selepas itu. Permohonan pelucuthakan tanpa pendakwaan di bawah Seksyen 56, AMLATFPAAA 2001 sudah difaikkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 25 Jun 2025," katanya.

Mengulas lanjut, SPMR memaklumkan pihaknya turut mengambil keterangan ahli keluarganya, iaitu Toh Puan Na'imah Khalid dan anak beliau, Muhammad Amir Zainuddin Daim, pada 14 Jun lalu berkaitan pemilikan aset luar biasa yang tidak disyitharkan.

"Seterusnya, keterangan akan dirakam daripada anak kedua mereka, Muhammad Amin Zainuddin Daim yang kini berada di UK.

"Ketiga-tiga individu ini ialah pemegang saham utama Ilham



Baru Sdn Bhd, syarikat yang memiliki majoriti saham dalam Ilham Tower Sdn Bhd dan dikenal pasti sebagai pemilik manfaat kepada Menara Ilham.

"Selaras dengan Seksyen 36(1) Akta SPMR 2009, Notis Pengisyian Harta diserahkan bermula 10 Julai 2025 kepada seramai 22 individu yang dikenal pasti sebagai saudara dan sekutu rapat kepada Allahyarham Tun Daim Zainuddin dan Toh Puan Na'imah Khalid bagi tujuan pe-

ngesanan dan pengesahan pemilikan aset," katanya.

SPRM menegaskan tindakan yang diambil itu sebahagian daripada fungsi dan peranannya untuk memastikan tiada unsur amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pengurusan kekayaan negara.

"SPRM komited untuk menjalankan siasatan secara bebas, telus dan berlandaskan undang-undang tanpa sebarang campur tangan atau kepentingan politik" katanya.



## 'Pertuduhan terhadap Na'imah berasas undang-undang'

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi, semalam diberitahu pertuduhan terhadap isteri bekas Menteri Kewangan, Allahyarham Tun Daim Zainuddin berhubung kesalahan gagal mengisyitharkan harta, tidak menyebabkan berlaku salah laksana keadilan terhadap tertuduh.

Timbalan Pendakwa Raya Law Chin How, bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhujah, ini berikutan tiada saksi yang dipanggil setakat ini kerana perbicaraan terhadap Toh Puan Na'imah Abdul Khalid, 67, belum dimulakan.

Chin How berkata, siasatan kes SPM sukar untuk dilengkapkan kerana saksi cenderung untuk 'bersembunyi' di belakang hak mereka dan enggan memberi kerjasama.

Beliau berkata, sekatan jenayah yang dikenakan terhadap saksi yang gagal membantu dan mematuhi siasatan SPM adalah berkadar dengan niat ketika undang-undang itu diluluskan.

"Kes terdahulu yang dipetik

oleh pemohon (Na'imah) telah dikemukakan di luar konteks untuk mengekalkan tanggapan bahawa beliau sebagai saksi mempunyai hak untuk berdiam diri ketika siasatan.

"Bagaimanapun Seksyen 30(5) dan 36(2) Akta SPRM menyatakan, saksi tidak berhak untuk berdiam diri apabila dia dikehendaki membantu siasatan."

"Oleh itu, pemohon adalah di bawah tanggungjawab undang-undang untuk membantu SPM berhubung kes pengisyiharan harta arwah suaminya dengan mematuhi notis di bawah seksyen 36(1)(b) SPRM," katanya.

Chin How berkata, persoalan berkaitan Seksyen 30(5) SPRM yang dibangkitkan pemohon tidak mempunyai kaitan langsung dengan perkara pertikaian atau pertuduhan itu.

Katanya, pemohon gagal menunjukkan bahawa seksyen berkenaan melanggar prinsip perlombagaan.

Beliau berkata demikian pada prosiding permohonan semakan



Na'imah hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Na'imah bagi merujuk persoalan undang-undang mengenai kesahihan pertuduhan gagal mengisyitharkan harta yang dihadapinya ke Mahkamah Tinggi.

Pada prosiding hujahan 13 Jun lalu, peguam bela Datuk Dr Gurdial Singh Nijar menghujahkan bahawa Mahkamah Sesyen tersalah tanggapan daripada segi

undang-undang ketika menolak supaya Mahkamah Tinggi menggunakan budi bicaranya untuk memanggil dan memeriksa rekod prosiding berhubung kesahihan atau kewajaran dapatan dan perintah yang direkodkan Mahkamah Sesyen.

Beliau memohon rekod bagi prosiding itu kemudian dihantar ke Mahkamah Tinggi untuk rujukan ke Mahkamah Persekutuan.

digunakan untuk mensabitkannya dalam suatu prosiding.

Katanya, pemohon dituduh atas dakwaan sengaja mengabalkan atau gagal mematuhi terma suatu notis tertarikh 8 November 2023 yang dikeluarkan di bawah Seksyen 36(1)(b) Akta SPRM.

Gurdial berkata, pertuduhan terhadap Na'imah berkemungkinan besar dibuat sebagai tindakan balas SPM terhadapnya kerana gagal mematuhi notis berkenaan.

Hakim K Muniandy kemudian menetapkan tarikh keputusan pada 12 Ogos ini selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak.

Na'imah memohon semakan supaya Mahkamah Tinggi menggunakan budi bicaranya untuk memanggil dan memeriksa rekod prosiding berhubung kesahihan atau kewajaran dapatan dan perintah yang direkodkan Mahkamah Sesyen.

Beliau memohon rekod bagi prosiding itu kemudian dihantar ke Mahkamah Tinggi untuk rujukan ke Mahkamah Persekutuan.



# SPRM sita lebih RM183 juta aset sindiket seludup besi di 5 negeri

**Ops Metal turut bekukan akaun bank syarikat, individu RM51j**



Pasukan Anti Corruption Tactical Squad (ACTS) SPRM menyerbu tempat penyimpanan dan pemprosesan besi buruk di Jalan Bukit Minyak, Batu Maung dalam Ops Metal, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

ekar ladang sawit di Kuala Krai, Kelantan.

"SPRM turut menyita enam kereta mewah yang terdiri daripada model Porsche Cayenne, Range Rover, BMW, Volvo, Toyota Land Cruiser dan Toyota Alphard yang keseluruhannya dianggarkan bernilai lebih RM1.9 juta.

Aset disita itu membabitkan lahan harta tanah di Pulau Pinang iaitu tiga banglo di Batu Maung, satu emper di Tanjung Tokong, satu lot kedai di Bayan Lepas, 31 ekar tanah di Nibong Tebal, 7.1 ekar tanah di Batu Uban dan 5.5 ekar tanah di Juru serta lebih 1,960

Omega Speedmaster dan Omega Seamaster dianggarkan bernilai lebih RM740,000," katanya dalam kenyataan semalam.

Difahamkan kebanyakannya aset, kenderaan mewah dan jam berjenama yang disita itu, milik seorang lelaki warga asing yang juga pemilik sebuah syarikat besar buruk, yang rumahnya terletak di kawasan elit di Batu Maung dekat sini yang diserbu dalam

Ops Metal, kelmarin.

Ketika serbuan lelaki bergelar Datuk itu tiada di rumah dan dipercayai berada di luar negara atas urusan perniagaan serta diajengka pulang semula ke Pulau Pinang hari ini.

## Goleak 13 lokasi

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri juga SPRM, mengatakan kerajaan mengalami kerugian hasil cukai ekspor dipercayai mencapai lebih RM960 juta.

BERNAMA

mengenai pembekuan akaun perbankan berkenaan serta sitaan membabitkan harta tanah, kenderaan mewah dan jam tangan.

SPRM turut membuat penggeledahan di 13 lokasi baharu di Pulau Pinang, Kedah, Johor dan sekitar Lembah Klang semalam.

"SPRM kini sedang mengenal pasti pihak yang bersetuju dengan sindiket ini, menyeludup keluar besi serta bahan buangan-e-sisa melalui Pelabuhan Klang dan Pulau Pinang sehingga menyebabkan kerajaan kerugian hasil cukai dianggarkan lebih RM950 juta sejak enam tahun lalu.

"Fokus siasatan menjurus kepada kesalahan mengikut Seksyen 16 dan 18 Akta SPRM 2009, selain menganalisis dan mengenal pasti elemen kesalahan menjaya lain, di bawah kesalahan aktiviti pengubahan wang haram termasuk siasatan kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 serta Akta Kastam 1967 oleh agensi lain terbabit dalam operasi ini," katanya.

Terdahulu, media melaporan SPRM menggeempur sindiket penyeludupan besi buruk di lima negeri yang dipercayai membayar rasuah kepada penguat kuasa sehingga menyebabkan kerajaan mengalami kerugian hasil cukai eksport dipercayai mencapai lebih

SPRM menyerbu sebuah banglo mewah milik seorang ahli perniagaan bergelar Datuk di Georgetown.

(Foto BERNAMA)



Pegawai SPRM memeriksa bahan e-sisa ketika serbuan di sebuah kilang memproses di Kawasan Perusahaan Perai.



SPRM menyerbu sebuah banglo mewah milik seorang ahli perniagaan bergelar Datuk di Georgetown.

(Foto BERNAMA)



## Penjawat awam direman salah guna kuasa seleleweng tanah kerajaan

**KUALA TERENGGANU** – Seorang penjawat awam direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung dakwaan penyalahgunaan kuasa membabitkan beberapa permohonan tanah kerajaan di negeri ini untuk kepentingan peribadi.

Perintah reman sehingga Jumaat itu dikeluarkan Majistret Iffah Nabihah Mohd Ishak selepas permohonan dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu pada Isnin.

Menurut sumber, lelaki berusia 50-an itu ditahan jam 2 petang Ahad ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Terengganu.

"Siasatan awal mendapati suspek dipercayai terlibat dalam kegiatan menyeleweng urusan tanah kerajaan negeri antara tahun 2019 hingga 2023.


"Antara tindakan yang dikenal pasti termasuk menukar pelan tanah serta menguruskan proses permohonan tanah bagi kepentingan anak-anaknya," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

Katanya, kes itu disiasat di bawah Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO  
15.07.2025 (SELASA)



*H/metro*  
15/7/25  
selasa

*Reman  
lima  
hari*

SEORANG penjawat awam negeri Terengganu ditahan reman lima hari bermula semalam kerana disyaki menyalahgunakan kuasa melibatkan beberapa permohonan tanah kerajaan di negeri ini. Perintah reman hingga Jumaat itu dikeluarkan Majistret Iffah Nabihah Mohd Ishak selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu, semalam. Menurut sumber, suspek lelaki yang berusia lingkungan 50-an itu telah ditahan kira-kira 2 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu. Siasatan awal mendapati suspek disyaki melakukan perbuatan tersebut dari tahun 2019 hingga 2023 apabila terlibat dalam kegiatan seleweng tanah dengan menukar pelan tanah selain mengendalikan beberapa proses berkaitan tanah di negeri ini untuk kepentingan anak-anaknya.





SINAR METRO  
15.07.2025 (SELASA)



# SPRM sudah rekod keterangan 12 individu

Termasuk dua kakitangan jabatan kerajaan bagi membantu siasatan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
SHAH ALAM

KES KARTEL  
SUSU TEPUNG

SPRM serbu kilang proses susu

Laporan Sinar Harian mengenai kartel susu tepung.

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah merekod keterangan dua kakitangan sebuah jabatan kerajaan untuk membantu siasatan kes kartel pembekalan susu tepung.

Difahamkan, keterangan dua lelaki terbabit diambil pada minggu lepas.

Menurut sumber, Op White ini masih dijalankan termasuk menganes dan menganalisis pengaliran sumber wang membabitkan kartel ini.

"Siasatan juga melibatkan kerjasama dengan pihak bank untuk SPRM kesan akaun berkaitan.

"Ini menjadikan seramai 12 individu sejak ini selesai diambil keterangan bagi membantu siasatan," kata-

nya ketika dihubungi pada Isnin.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi memaklumkan kes ini masih dalam peringkat siasatan.

Jelasnya, siasatan dilakukan mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA) 2001 yang melibatkan aktiviti pengubahan wang haram dan juga Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan empat beranak terdiri daripada suami isteri serta dua anak lelaki masing-masing disyaki pemilik dan pengarah syarikat disiasat berhubung kartel pembekalan susu tepung ke sebuah jabatan kerajaan yang tidak menuhi piawaian standard SIRIM Berhad bernilai kira-kira RM120 juta.



SINAR METRO  
16.07.2025 (RABU)



# SPRM gempur sindiket seludup besi buruk

Pelbagai aset dianggar bernilai RM183 juta disita dalam serbuan di lima negeri dalam Op Metal

SHAH ALAM

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyata pelbagai aset dianggarkan bernilai lebih RM183 juta menerusi serbuan sindiket penyeludupan besi buruk di lima negeri bermula Isnin.

Op Metal itu dijalankan Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM secara bersepada dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Sebanyak 45 akaun syarikat dan 82 akaun perbankan milik individu melibatkan nilai kira-kira RM51 juta telah dibekukan.

Menurut sumber, aset yang disita itu melibatkan lahan hartaan di Pulau Pinang iaitu tiga unit banglo di Batu Maung, satu unit Penthouse di Tanjung Tokong, satu unit lot kedai di Bayan Lepas selain 31 ekar tanah di Nibong Tebal, 7.1 ekar tanah di Batu Uban, 5.6 ekar tanah di Juru dan lebih 1,960 ekar tanah ladang sawit di Kuala Krai, Kelantan.

"SPRM juga turut menyata enam unit

Mahkamah & Jenayah

kenderaan mewah iaitu Porsche Cayenne, Range Rover, BMW, Volvo, Toyota Land Cruiser dan Toyota Alphard yang dianggarkan bernilai lebih RM1.9 juta.

"Sitaan turut melibatkan lima unit jam tangan berjenama Patek Phillippe, Tag Heuer, Rolex, Omega Speedmaster dan Omega Seamaster dianggarkan bernilai lebih RM740,000," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri ketika dihubungi mengesahkan mengenai pembekuan akaun-akaun perbankan berkenaan serta sitaan melibatkan hartaan, kenderaan mewah serta jam tangan terbabit.

Katanya, susulan operasi pada Isnin, SPRM membuat penggeledahan di 13 lokasi baharu di Pulau Pinang, Kedah, Johor

dan sekitar Lembah Klang pada Selasa.

"SPRM kini sedang mengenal pasti pihak bersekongkol dengan sindiket ini yang menyeludup keluar besi serta bahan buangan sampah elektronik (e-waste) melalui Pelabuhan Klang dan Pulau Pinang sehingga menyebabkan kerajaan kerugian hasil cukai dianggarkan berjumlah lebih RM950 juta sejak enam tahun lalu.

"Fokus siasatan menjurus kepada kesalahan di bawah Seksyen 16 dan 18 Akta SPRM 2009 selain penyiasatan turut menganalisis dan mengenal pasti elemen-elemen kesalahan jenayah lain di bawah kesalahan aktiviti pengubahan wang haram termasuk siasatan kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 serta Akta Kastam 1967 oleh agensi-agensi lain yang terlibat dalam operasi ini," jelasnya.



FOTO: BERNAMA  
Tempat penyimpanan dan pemprosesan besi buruk di jalan Bukit Minyak, Pulau Pinang diserbu dalam Op Metal pada Isnin.



HARIAN METRO  
17.07.2025 (KHAMIS)



KEDUA-DUA suspek warga asing direman enam hari.  
**DISYAKI RASUAH PEGAWAI  
PENGUAT KUASA DI KLIA1**

## Dua lelaki warga asing ditahan

**Kuala Lumpur:** Dua lelaki warga Bangladesh termasuk pengarah syarikat pelancangan ditahan selepas disyaki mendalangi sindiket kemasukan warga asing dengan memberi rasuah kepada pegawai penguat kuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 (KLIA1).

Iasnin lalu, SPRM menjalankan operasi bersepadu Op Recruit di sekitar Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

Sumber berkata, kedua-dua suspek berusia 50-an ditahan dalam operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sekitar Negeri Sembilan antara jam 5 petang bingga 7 malam, Isnin lalu.

"Siasatan awal percaya suspek adalah ejen warga asing yang memberi rasuah kepada pegawai penguat kuasa di KLIA1 bagi memudahkan kemasukan warga asing melalui pintu masuk negara.

"Modus operandi yang digunakan sindiket adalah dengan mendekati pegawai penguat kuasa bagi menjalankan aktiviti *counter setting*, sekali gus memudahkan proses pemeriksaan warga asing berkenaan," katanya.

Katanya, kedua-dua suspek direman enam hari sehingga 20 Julai ini untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 16(b) Akta SPRM 2009.



## Empat direman kes rasuah projek pusat data RM180 juta

**PUTRAJAYA** - Seorang pengurus kontrak sebuah syarikat pembinaan bersama isteri serta dua pengarah syarikat direman untuk siasatan berkaitan kes rasuah projek pembinaan pusat data bernilai kira-kira RM180 juta di Johor.

Perintah reman terhadap keempat-empat suspek dikeluarkan Mahkamah Majistret Putrajaya pada Jumaat selepas permohonan dibuat oleh SPRM.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan suspek lelaki yang berjawatan pengurus kontrak syarikat direman selama tujuh hari sehingga 24 Julai 2025, sementara isterinya direman selama tiga hari sehingga 20 Julai 2025.

Menurut sumber, kesemua suspek berusia 40 hingga 60-an itu ditahan dalam Op Ways yang dijalankan Bahagian Siasatan SPRM di sekitar Lembah

Klang pada Khamis.

Dalam operasi itu, SPRM turut menyita wang tunai sebanyak kira-kira RM7.5 juta yang ditemui di rumah milik pengurus kontrak berkenaan.

Menurut sumber, wang tunai tersebut dipercayai bayaran rasuah yang diterima suspek sebagai balasan bagi mendapatkan enam tender projek pembinaan pusat data tersebut.

"Siasatan awal mendapati suspek telah menetapkan bayaran rasuah sebanyak 2.5 peratus daripada nilai setiap tender perolehan projek yang diberikan kepada dua syarikat berkenaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan perahanan tersebut.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) dan Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009.



Kesemua suspek ditahan di sekitar Lembah Klang pada Khamis.



## BERITA HARIAN 19.07.2025 (SABTU)



### Kes tender projek bina pusat data



Pengurus kontrak bersama isteri dan dua pengarah syarikat ditahan reman bagi membantu siasatan kes rasuah perolehan tender projek pembinaan pusat data di Johor ber nilai RM180 juta. (Foto ihsan SPRM)

# SPRM temui RM7.5j dalam kotak, almari

Wang tunai disita dalam rumah pengurus kontrak dipercayai rasuah dapatkan enam tender

Oleh Ilah Hafiz Azizi  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Wang tunai berjumlah RM7.5 juta ditemui dalam rumah yang diserbu pasukan penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sekitar Lembah Klang, kelmarin.

Wang tunai yang kebanyakannya dalam nilai not RM50 itu dikatakan ditemui SPRM dalam beberapa kotak dan almari serta disimpan di rumah itu, sejurus siasatan rasuah membabitkan perolehan tender projek pembinaan pusat data di Johor yang bernilai kira-kira RM160 juta dimulakan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, ketika dihubungi BH mengesahkan serbuan dan penemuan itu.

Beliau berkata, wang berkenaan sudah disita SPRM, namun enggan mengulas lanjut memandangkan siasatan lanjut sedang dijalankan pegawai penyiasat.

Beliau berkata, dalam operasi



Wang tunai not RM50 ditemui SPRM dalam kotak dan almari.

itu, SPRM menahan reman pengurus kontrak syarikat pembinaan terkemuka bersama isterinya serta dua pengarah syarikat kerana dipercayai terbabit rasuah dalam perolehan tender projek itu.

Katanya, semua suspek berusia lingkungan 40 hingga 60-an itu ditahan dalam Op Ways yang dijalankan Bahagian Siasatan SPRM di sekitar Lembah Klang, kelmarin.

BH difahamkan, Majistret Irza Zulaiha Rohanuddin membentarkan suspek lelaki berjawatan pengurus kontrak syarikat direman tujuh hari sehingga Khamis depan, manakala isterinya direman tiga hari sehingga Isnin ini.

"Dua suspek lelaki berjawatan pengarah syarikat direman lima hari sehingga Selasa ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi tadi (semalam)," katanya.





# Pengurus terkejut diserbu SPRM bakar wang hampir RM1 juta

Suspek cuba lupus beberapa bungkusan wang tunai selepas melihat anggota suruhanjaya

Oleh Wartawan BH  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengurus projek syarikat pembinaan terkenal yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbabit rasuah dalam perolehan tender projek pembinaan pusat data, membakar wang tunai hampir RM1 juta selepas terkejut dengan serbuan dijalankan pasukan suruhanjaya itu.

Ketika serbuan di rumahnya di Petaling Jaya pada Khamis lalu, anggota SPRM menemui

SPRM temui RM7.5 juta dalam kotak, almari



Keratan akhbar BH, semalam.

wang kertas RM100 yang keseluruhannya berjumlah hampir RM1 juta sudah terbakar.

Sumber berkata, suspek dipercayai bertindak nekad mengambil beberapa bungkusan wang tunai dan cuba melupuskannya dengan membakar selepas melihat kehadiran sepasukan anggota dan pegawai SPRM

#### Bakar dalam bilik mandi

"Selepas pintu rumah berjaya dibuka, anggota SPRM yang membuat serbuan mendapati keadaan dalam rumah dipenuhi asap tebal berpunca dari sebuah bilik mandi.

"Hasil pemeriksaan dijalani-



Barang kemas, syiling, jam termasuk wang tunai hampir RM1 juta yang dibakar oleh suspek. (Foto ihsan SPRM)

perti cincin serta syiling emas.

Katanya, semua barang itu disita SPRM bagi tujuan siasatan lanjut.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khursir Yahaya, ketika dihubungi mengesahkan mengenai tindakan suspek yang membakar wang kertas berkenaan.

Beliau menegaskan, tindakan

suspek cuba melupuskan bahan bukti satu kesalahan serius yang boleh didakwa mengikut Seksyen 201 Kanun Kesejahteraan serta membawa kepada hukuman penjarा sehingga tujuh tahun atau denda.

Bagaimanapun, Ahmad Khursir berkata, fokus utama siasatan kes itu ialah mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 17A Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN  
20.07.2025 (AHAD)

## Bakar wang RM1 juta lupus bukti rasuah

Suspek rasuah projek pusat data panik diserbu SPRM, wang tunai RM7.5 juta turut ditemui dalam beberapa kotak bantal

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
SHAH ALAM

Pengurusan projek syarikat pembinaan terkemuka yang dilulus untuk projek rasuah melibatkan perolehan tender projek pembinaan pusat data sanggup membakar wang tunai hampir RM1 juta selepas dilajukan dengan serbuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Khamis.

Menurut sumber, ketika serbuan dijalankan di rumahnya di Petaling Jaya, pasukan pegawai SPRM menemui wang kortas RM100 yang kelebihannya berjumlah hampir RM1 juta dalam kertas dan kertas.

Katanya, lelaki itu dipercaya bertindak nakal mengambil beberapa bungkus

wang tunai dan cuba menutupinya dengan membezaknya sebelum menjalani kerjasama bersama SPRM.

"Selepas pintu rumah berjaya dibuka, pasukan serbuan SPRM mendapati keadaan dalam rumah berkeras dicuci setiap telur dari sebuah bekas mandi.

"Hasil pemeriksaan di bilik mandi berkenaan menemui wang kertas RM100 berjumlah hampir RM1 juta yang sudah terbakar," katanya.

Tentu sumber itu lagi, hasil pemerkasaan menyeluruh di rumah suspek menemui wang tunai kira-kira RM7.5 juta yang dikumpulkan dalam beberapa kotak besar, tiga atas jem tangga jenama Roles, Omega dan Carter selain barang kerja seperti suspen sebagai bolehan mendapatkan enam tender penolakan projek terkenal.

Siasatan awal SPRM mendapati suspek menetapkan bayaran wang rasuah sebanyak 2.5 peratus bagi setiap tender percikan projek yang diperoleh dua syarikat berkenaan.

Sinar Harian mengesahkan sindikan suspek yang membakar wang kertas berkenaan.

Tegas bellau, tidakkan suspek cuba melupuskan baton-baton bukti menurunkan atau kesakahan serius yang boleh dikenaka di bawah Seksyen 201 Karun Kesekutuan serta membawa kepada halaman perjaya sehingga tujuh tahun atau denda.

Bagaimanapun bantuan berkata takut utama adalah kec di bawah Seksyen 16 dan Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

Pada Jumat, Sinar Harian malah pokok suspek bersama isteri serta dua pengaroh syarikat datang dipercaya terbabit rasuah melibatkan penolakan tender projek pembinaan pusat data di Johor ber nilai kira-kira RM150 juta.

Kesemuanya suspek berada Ingkungan 40 hingga 60-an telah ditahan menurut Cpl Waya yang dijalankan Bahagian Siasatan SPRM di sekitar Lambar Klang pada Khamis.

Pengerusi projek terbabit kemudian dimana tujuh hari, istirahah direman tiga hari manakala dua belas berjastan penggal syarikat direman lima hari.

Pada operasi itu, SPRM telah menyita wang tunai yang dibentuk di rumah milik perpusur kombat syarikat berkenaan.

Wang itu diperolehi rasuah yang dibayar kepada suspen sebagai bolehan mendapatkan enam tender penolakan projek terkenal.

Siasatan awal SPRM mendapati suspek menetapkan bayaran wang rasuah sebanyak 2.5 peratus bagi setiap tender percikan projek yang diperoleh dua syarikat berkenaan.



Kedua-dua wang tunai RM100 berjumlah hampir RM1 juta yang dibakar suspek selepas dilajukan dengan serbuan SPRM di kediamannya di Petaling Jaya pada Khamis.

IF YOU'RE HEALING IN SILENCE, LET THIS BE YOUR COMPANION.  
KARYA BESTARI FIRST ENGLISH BOOKS.  
RM 25  
Letters to the Sister  
Navigating Betrayal Through The Story of Prophet Yusuf a.s.  
RM 27  
A Cup of Tea for the Soul  
Dapatkan entri online melalui [www.karyabestari.com](http://www.karyabestari.com) dan WhatsApp 010-2287227 atau hubungi kami di talian 03-11211888.  
Karya Bestari First English Books  
MACC



SPRM menyita wang tunai berjumlah RM7.5 juta di kediaman suspek yang gada Khamis.



Empat individu direman untuk siasatan kes rasuah perolehan tender pembinaan pusat data.



HARIAN METRO  
21.07.2025 (ISNIN)



# Suspek minta tiga peratus

*SPRM kenal pasti dua lagi syarikat peroleh projek dengan beri suapan kepada pengurus*

Oleh Noor Hidayah Tanzizi  
[hidayah.tanzizi@hmetro.com.my](mailto:hidayah.tanzizi@hmetro.com.my)

Kuala Lumpur

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenal pasti dua lagi syarikat dipercayai memperoleh projek dengan memberi suapan kepada pengurus projek yang ditahan, baru-baru ini.

Sumber berkata, beberapa pengarah syarikat yang sudah dikenal pasti akan dipanggil untuk membantu siasatan.

Menurutnya, suspek uta-

ma pengurus projek turut mengaku meminta tiga peratus daripada nilai projek daripada mana-mana syarikat yang mahu mendapatkan projek daripada syarikat pembinaan.

Difahamkan, pihak terbabit dikatakan akan membocorkan harga tender dan membantu memastikan syarikat yang memberi rasuah memenangi tender.

"Wang itu dibayar secara berperingkat mengikut progres pembayaran projek. Kita difahamkan terdapat beberapa juta lagi yang masih belum dibayar oleh syarikat kepada suspek seperti perjanjian mereka," katanya.

Sebelum ini media melaporkan pengurus kontrak bersama isteri dan dua pengarah syarikat ditahan kerana dipercayai terbabit rasuah perolehan tender projek pembinaan pusat data di Johor bernilai RM180 juta.

Semua suspek iaitu tiga lelaki dan seorang wanita berusia 40 hingga 60-an itu ditahan dalam Op Ways yang dijalankan Bahagian Siasatan SPRM di sekitar Lembah Klang, Khamis lalu. Semasa serbuan, pasukan berjaya menyita wang tunai RM7.5 juta yang dijumpai di rumah milik pengurus kontrak syarikat berkenaan.






BERITA HARIAN  
21.07.2025 (ISNIN)



# SPRM kenal pasti 2 lagi syarikat



Siasatan dapati suspek utama mengaku minta 3 peratus daripada nilai projek

Oleh Nur Azizah Mokhtar  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenal pasti dua lagi syarikat yang memperoleh projek pusat data membatikan pemberian rasuah kepada pengurus projek syarikat pembinaan yang ditahan baru-baru ini.

Menurut sumber, beberapa pengarah syarikat turut dikenal pasti dalam siasatan kes berkenaan.

"Beberapa pengarah syarikat berkenaan akan dipanggil untuk membantu siasatan.

"Siasatan juga mendapati suspek utama, seorang pengurus projek, mengaku meminta sebanyak tiga peratus daripada nilai

Pengurus terkejut diserbu SPRM bakar wang hampir RM1 juta



Keratan akhbar BH Ahad, semalam.

binaan itu sanggup membakar wang tunai hampir RM1 juta selepas dikejutkan dengan serbuan SPRM menerusi Op Ways, Khamis lalu.

**Empat direman** **ALAMAK**  
Sumber dilaporkan berkata, ketika serbuan di rumahnya di Petaling Jaya, SPRM menemui wang kertas RM100 berjumlah hampir RM1 juta dalam keadaan sudah terbakar sebahagiannya.

Hasil pemeriksaan menyeluruh di rumah suspek, SPRM menemui wang tunai kira-kira RM7.5 juta yang disimpan di dalam beberapa kotak bantal, tiga utas jam tangan jenama Rolex, Omega dan Cartier, selain barang kemas seperti cincin serta syiling emas.

Jumaat lalu, suspek bersama isteri serta dua pengarah syarikat ditahan dipercayai berkait kes rasuah membatikan perolehan tender projek pembinaan pusat data di Johor bernilai kira-kira RM180 juta.

"SPRM sedang menyiasat masih ada beberapa juta ringgit yang belum dibayar syarikat kepada suspek seperti dipersekutui dalam perjanjian mereka," katanya.

Kelmarin, media melaporkan pengurus projek syarikat pem-





## BERITA HARIAN 23.07.2025 (RABU)



### Siasatan SPRM dijangka jejas bidaan SunCon

Aktiviti pembidaan Sunway Construction Group Bhd (SunCon) dalam segmen pusat data (DC) bernilai RM14 bilion dijangka terjejas sementara susulan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap urusan seorang kakitangannya dengan subkontraktor.

Penganalisis CGS International, Ching Tjen San, bagaimanapun berkata SunCon tidak menjadi subjek siasatan dan insiden berkenaan dilihat terpencil tanpa penglibatan pengurusan kanan.

"Walaupun kami berasa lega kerana SunCon sendiri bukan subjek siasatan dan tiada kerugian dialami oleh pelanggan SunCon, kami tidak menolak kemungkinan berlaku sedikit kerosakan reputasi sehingga kes ini selesai."

"Perkara ini mungkin memberi kesan kepada beberapa tender semasa SunCon, khususnya dalam segmen DC yang kami fahami membabitkan antara tujuh hingga lapan projek dengan jumlah keseluruhan RM14 bilion."

"Pada panjang kami, situasi ini boleh memberi kelebihan kepada beberapa kontraktor besar seperti Gamuda Bhd dan IJM Bhd yang turut bersaing untuk mendapatkan projek DC yang sama," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Namun begitu, beliau menggaskan bahawa memandangkan kekuatan ekuiti jenama dan sokongan syarikat induknya Sunway, pihaknya percaya SunCon mampu pulih daripada insiden ini tanpa menjasakan ketara kemenangan tempahan baharu dalam jangka panjang.

Kemenangan SunCon setakat tahun kewangan 2025 berjumlah RM3.5 bilion, manakala buku tempahannya mencecah RM7.9 bilion (sehingga Jun 2025), dengan projek pusat data menyumbang 49 peratus.

"Kami percaya sasaran kemenangan tempahan baharu semasa bagi tahun kewangan 2025 sebanyak RM4.5 bilion hingga RM6 bilion kekal utuh, tetapi mungkin tidak melonjak untuk menyokong penilaian semula yang lebih bermakna," katanya.

CGS International mengekalkan saranan 'pegang' terhadap saham SunCon dengan harga saranan RM5.50.

"Pelabur sebelum ini memberikan premium terhadap pendekran SunCon dalam projek pusat data yang meningkatkan pulangan ke atas ekuiti (ROE).

"Namun, kerualsi syarikat berjaya memenangi lebih banyak kerja pusat data, kami tidak menjangkakan pertumbuhan pendapatan yang signifikan selepas tahun kewangan 2025," jelaskya.



SALAH LAKU DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

# SPRM, AGC digesa siasat segera

Oleh A'qilah Riduan  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**P**emerhati Rasuah Malaysia (MCW) menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pejabat peguam Negara (AGC) menyiasat segera salah laku yang dibangkitkan dalam laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Presiden MCW, Jais Abdul Karim, berkata pihak-



*Ketua jabatan yang bertanggungjawab terhadap kelemahan itu tidak seharusnya hanya diberi teguran, sebaliknya mesti dikenakan tindakan tatatertib atau undang-undang.”*

*Jais Abdul Karim*

nya memandang serius beberapa dapatan audit membabitkan kelemahan tadbir urus termasuk kegagalan kutipan denda, pemberian tender di luar garis panduan dan amalan pecah kecil kontrak.

Katanya, tindakan segera perlu diambil SPRM dan AGC bagi mengelakkan kerugian besar akibat kecuanian yang berulang.

“Ketua jabatan yang bertanggungjawab terhadap kelemahan itu tidak seharusnya hanya diberi tegu-

ran pentadbiran semata-mata, sebaliknya mesti dikenakan tindakan tatatertib atau tindakan undang-undang sewajarnya,” katanya semalam.

Sehubungan itu, MCW mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan agensi kerajaan ditingkatkan.

Antaranya mencadangkan Parlimen dan Jawatan kuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) memanggil pihak terbabit untuk sesi

pendengaran awam terbuka supaya susulan dapat dibuat secara menyeluruh.

“Pelaksanaan sistem eSelfAudit seperti diumumkan Ketua Audit Negara perlu dipercepatkan secara menyeluruh bagi mengelakkan kelulusan perbelanjaan sewenang-wenangnya.

“Penubuhan Jawatankuasa Bebas Pemantauan LKAN di bawah Parlimen dengan penyertaan badan bukan kerajaan (NGO) antirasuah termasuk MCW turut dicadangkan bagi memastikan susulan yang berkesan,” katanya.

Selain itu, Jais menegaskan reformasi institusi tidak bermakna jika dapatkan audit tidak disusuli dengan ketegasan undang-undang dan perubahan sistemik yang komprehensif.

“Rakyat berhak mendapat penjelasan dan tindakan segera. Negara tidak boleh terus menanggung kerugian akibat kelemahan yang berulang saban tahun,” katanya.





## Pegawai kanan JIM Johor didakwa pengubahan wang haram lebih RM900,000

**SHAH ALAM** - Seorang pegawai kanan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas lima pertuduhan terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM933,295 antara tahun 2022 hingga 2024.

Nas Suffian Nasrun, 41, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan secara berasingan.

Lelaki itu didakwa terlibat secara langsung dalam transaksi wang haram berjumlah RM224,840 daripada akaun seorang lelaki ke akaun bank milik ibunya melalui 29 transaksi dalam talian antara 1 November 2023 hingga 29 Mei 2024.

Nas Suffian juga didakwa me-

nerima RM297,600 hasil aktiviti haram daripada akaun bank penama sama ke akaun peribadinya dalam 29 transaksi antara 19 Oktober 2022 hingga 8 Ogos 2024, dan didakwa memindahkan RM113,375 daripada akaunnya ke akaun individu lain dalam 32 transaksi antara 16 April 2023 hingga 2 November 2023.

Lelaki itu turut didakwa memindahkan RM209,080 daripada akaun bank sebuah syarikat kendaliannya ke akaun miliknya melalui 55 transaksi dalam talian antara 29 Julai 2022 hingga 1 Julai 2024.

Dia turut didakwa memindahkan RM88,400 daripada akaun ibunya ke akaun sendiri dalam 17 transaksi antara 5 November 2023 hingga 23 September 2024 di dua cawangan

bank di Kota Damansara dan Kajang. Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Amirah Muhammad Ali menawarkan jaminan RM800,00.

Bagaimanapun, peguam Muhammad Zaim Rosli memohon jaminan RM10,000 atau RM20,000 bagi setiap pertuduhan, dengan mengambil kira anak guamnya berpotensi dikenakan tindakan tahan kerja susulan pendakwaannya.

Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin kemudiannya menetapkan jaminan RM100,000 bagi semua pertuduhan, perlu melaporkan diri ke pejabat SPM terdekat dan sebutan semula kes ditetapkan pada 12 September depan. - Bernama

Nas Suffian (kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Selasa atas lima pertuduhan terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram.



# HARIAN METRO

24.07.2025 (IKHAMIS)

## Dituduh terima suapan RM4k

**Johor Bahru:** Bekas Pengarah Belia dan Sukan Negeri Melaka dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini semalam atas dua pertuduhan menerima suapan RM4,000, dua tahun lalu.

Tertuduh, Khairul Adri Rosli, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut kertas pertuduhan, Khairul Adri dituduh menerima wang berjumlah RM4,000 daripada wakil syarikat kontraktor baik pulih menerusi akaun syarikat ke dalam akaun seorang wanita yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi berkaitan kerja membina pondok pengawal di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Melaka berjumlah RM19,950.

Kesahan dilakukan di dua bank berbeza di Tamboi dan Permas Laya di sini pada 6 Januari 2023 dan 16 Februari 2023.

Bagi kesalahan itu, pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Rayu SPRM, Siti Asmali Zainal Arifin menawarkan wang jaminan sebanyak RM7,000 bagi kedua-dua pertuduhan.

Khairul Adri yang diwakili Peguam Nurashidah Md Razip merayu jumlah itu dikurangkan kerana anak guamnya turut berdepan lima pertuduhan di Mahkamah Sesyen Melaka pada 17 Jun lalu.

Oleh Ahmad Johari  
Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur

**KES RASUAH GUAN ENG**

## Dua beg berisi RM2j

**A**tili perniagaan Gnanaraja memperluas Mahkamah Sesyen, di sini, semalam bawaan syarikat Bumi Muhibah Capital Holding Sdn Bhd miliknya digunakan untuk membuat pembayaran rasuah kepada bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng.

Gnanaraja, 44, dalam

keterangan selaku saksi pendakwaan ke-37, berkata, Ahli Parlimen Bagan itu juga menyuruhnya menyediakan dan membuka akaun bank syarikat berkenaan yang ditubuhkan pada 10 Ogos 2016.

Pemilik syarikat kendaraan itu yang membacaikan pernyataan saksinya berkata, bekas Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd (CZCSB), Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli memilihnya sebagai perantara untuk perayahan wang kepada Guan Eng di atas kepercaayaan lelakinya berkenaan kepadanya dan beliau tidak bersangkutan paut dengan mana-mana parti pembangkang ketika itu.

Saksi itu juga menjelaskan kepada mahkamah bahawa tunai itu dibawa ke dalam rumah dan seterusnya menuju ke bilik kerja, tiada orang lain melihatnya dan bilik berkenaan sentiasa dikunci, di mana hanya dia seorang mempunyai kunci.

Menurut Gnanaraja, pada jam 5 petang 18 Ogos 2017, beliau menerima panggilan telefon daripada Zarul Ahmad yang memintanya hadir ke Hotel Eastin Petaling Jaya pada jam 6 petang.

Katanya, beliau mempunyai akses penuh ke atas akaun syarikat kerana hanya dia seorang sahaja yang boleh membuat pengetaruan wang dan syarikat hanya mempunyai satu akaun iaitu CIMB Bank Berhad.

"Berhubung dengan Bo-

mempunyai pemegang ta-

"Pada masa itu, Zarul

Ahmad memakai baju pu-

rih dan berseluas hitam.

Saya tahu kandungan beg

wang kerana beliau

mengatakan 'iM'

(ambil meletakkan beg pertama)

dan 'iM'

(ambil meletakkan beg kedua).

'iM' yang disebut, saya tahu merujuk kepada 1 million (juta).

"Saya kembali ke kedi-

aman saya lebih kurang 10

minit selepas meninggal-

kan Hotel Eastin. Saya

menangkat sendiri ke-

dua-dua beg berwarna gelap

diterima untuk disimpan

dalam bilik kerja

saya," katanya.

Gnanaraja berkata,

ketika membawa kedua-dua

beg berisi wang tunai itu

ke dalam rumah dan se-

terusnya menuju ke bilik

kerja, tiada orang lain me-

lihatnya dan bilik berkenaan

putih berlogos kerajaan ne-

geri Pulau Pinang berjalan

masuk ke dalam kereta

Zarul Ahmad.

"Semasa di dalam ke-

reta, Guan Eng menyapa

datuk berlalu dan bertanya khabar

saya dan Datuk Zarul.

"Guan Eng bertitah se-

benarnya beliau ingin me-

ngaturkan pertemuan sa-

ya bersama seorang indi-

vidu bernama Datuk Ewe-

in terlebih dahulu, tetapi

beliau ingin duduk bersama

saya untuk membincar-

cangkan urusan kewangan

sulit yang disalurkan ke-

padanya," katanya.

Menyentuh mengenai

perkenalan dengan Guan Eng, Gnanaraja berkata, beliau mengenal pemimpin itu melalui Zarul Ahmad.

Menurutnya, beliau ber-

temu Guan Eng ketika

perjumpaan dalam kereta

bersama Zarul Ahmad

pada 20 Ogos 2017 menuju

ke Hotel Wenworth, Pudu

ke Publik.

Katanya, pada 10 Ogos

sehingga 19 Ogos 2017, be-

liau dan Zarul Ahmad se-

ring berhubung berkaitan

perbincangan untuk men-

jadikannya sebagai penye-

rah wang rasuah daripada

Zarul Ahmad kepada Guan

Eng.

Gnanaraja berkata de-

mekian pada perbicaraan

kes rasuah projek pem-

binaan jalan utama dan

terowong dasar laut di Pu-

lau Pinang bernilai RM6.3

bilion membabitkan Guan

Eng.

Guan Eng yang didakwa dengan tuduhan pindaan pertama iaitu sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang ketika itu menggunakan kedudukannya untuk menerima suapan berjumlah RM3 juta.

Ia dengan membantu syarikat milik Zarul Ahmad bagi dilantik melaksanakan projek pembinaan Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang bermula RM6.34 juta antara Januari 2011 hingga Ogos 2017, di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Bagi pertuduhan pindaan kedua pula, Guan Eng didakwa menerima suapan sebanyak RM100 yang peratus daripada keuntungan diperoleh dari Zarul Ahmad sebagai upah bagi membantu syarikat milik ahli perniagaan itu dilantik untuk projek sama.

Kesalahan berkenaan didakwa dilakukan berhampiran Hotel The Gardens, Lingkaran Syed Putra, Mid Valley City, di sini, antara jam 12:30 tengah malam hingga jam 2 pagi pada Mac 2011.



# Dua anggota imigresen ditahan ketika bertugas

**Operasi AKPS kesan aktiviti mencurigakan kegiatan ‘pasport terbang’**

Oleh Raja Nurul Antasha  
Raja Zaman  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Johor Bahru:** Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) menahan dua penguat kuasa yang sedang bertugas di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini, malam kelmarin, kerana disyaki terbabit kegiatan ‘pasport terbang’.

Komander AKPS di CIQ BSI, Roszita Dim, berkata kedua-dua penguat kuasa lelaki berusia 31 dan 49 tahun itu ditahan dalam operasi dan pemantauan Unit Pematuhan AKPS bermula jam 3 petang kelmarin.

“Operasi kami menyasar kumpulan yang bertugas di kompleks CIQ di mana aktiviti men-

curigakan mula dikesan sekitar jam 7.30 malam di kaunter zon kenderaan di pintu masuk.

“Siasatan mendapati beberapa kemasukan data pelawat yang mencurigakan menggunakan maklumat log masuk seorang pegawai yang bertugas di kaunter berkenaan, termasuk data berkaitan warga asing yang dikenal pasti sebagai pelawat bermasalah.

“Kemasukan data itu telah mencetuskan tindakan pembentulan manual oleh seorang daripada suspek,” katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Roszita berkata, sekitar jam 9 malam kelmarin, satu lagi kejadian kemasukan data mencurigakan dikesan memahibahkan pelawat bermasalah tetapi menggunakan identiti pengenalan (ID) penyalia yang ditempatkan di zon motosikal.

“Hasil pemeriksaan di kaunter zon kenderaan menemukan wang tunai berjumlah RM2,800 dan dua telefon bimbit dalam simpanan seorang daripada suspek.

“Siasatan lanjut membawa kepada penemuan 14 pasport asing yang disorokkan dalam sebuah beg hitam di alas siling sebuah kaunter lain, terdiri 11 pasport milik warga China dan tiga mi-



Roszita (tengah) pada sidang media berhubung penahanan dua pegawai imigresen yang disyaki melakukan salah laku ‘pasport terbang’ di CIQ BSI.  
(Foto Raja Nurul Antasha Raja Zaman/BH)

lk warga Indonesia,” katanya.

Roszita berkata, pemeriksaan lanjut di zon motosikal menemukan dua lagi telefon bimbit milik suspek kedua yang turut dirampas untuk siasatan lanjut.

## Diserah kepada SPRM

Beliau berkata, kedua-dua suspek telah ditahan serta-merta dan di-

serahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor pagi semalam untuk tindakan selanjutnya.

“Siasatan terhadap kedua-dua suspek masih dijalankan termasuk kemungkinan mereka terlibat dalam sindiket yang menjalankan kegiatan sama.

“Kami telah melaporkan kes

ini kepada ketua unit integriti agensi di ibu pejabat AKPS di Putrajaya,” tambahnya.

Roszita menegaskan, AKPS komited menegakkan integriti dan membanteras salah laku, khususnya rasuah dalam kalaangan pegawai penguat kuasa dan kakitangan jabatan di pintu masuk sempadan negara.



**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor menahan reman seorang pegawai penguat kuasa kerana disyaki menerima rasuah kira-kira RM8,000 semasa bertugas di kaunter ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Perintah reman terhadap suspek selama lima hari hingga 29 Julai itu dikeluarkan oleh Majistret Zur Azureen Zainalkefli selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Shah Alam pagi kelmarin.

Menurut sumber, lelaki berusia 20-an itu ditahan kira-kira jam 3 petang kelmarin di tempat dia bertugas.

"Siasatan awal mendapati suspek disyaki menerima wang rasuah itu ketika sedang bertugas dan perbuatannya dikesan melalui pemantauan kamera litar tertutup (CCTV).

"Hasil pemeriksaan terhadap suspek menjumpai wang berjumlah kira-kira RM8,000 di dalam poket

## *Ada duit RM8,000 dalam poket pegawai penguat kuasa*



SUSPEK dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk perintah tahanan reman.

seluar suspek dan disyaki wang rasuah itu adalah hasil daripada kegiatan *counter*

**Disyaki wang rasuah adalah hasil daripada kegiatan counter setting**

*setting," kata-nya. Semen-tara itu, Timba-lan Pen-garuh SPRM Selangor, Khairul Izwan Karim ketika dihubungi mengesahkan pena-hanan tersebut dan ber-kata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.*





BERITA HARIAN  
28.07.2025 (ISNIN)



# Empat pegawai penguat kuasa direman 6 hari

Johor Bahru: Empat pegawai penguat kuasa yang disyaki menerima rasuah RM3,000 bagi kegiatan 'pasport terbang' di kaunter zon masuk motosikal, sempadan Johor-Singapura direman enam hari, bermula semalam.

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Johor Bahru, Mohammad Izham Mehd Aliyas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menahan reman empat suspek berusia antara 20-an hingga 40-an, sehingga 1 Ogos ini.

Kelmarin, empat suspek berkenaan ditahan di pejabat SPRM Johor kerana disyaki menerima rasuah bagi kegiatan pasport terbang.

Dua suspek utama ditahan

Unit Pematuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) ketika pemeriksaan dilakukan di kaunter.

Susulan itu, dua lagi pegawai penguat kuasa ditahan kerana disyaki bersubahat. Penahanan itu membawa kepada penemuan 14 pasport warga asing, empat telefon bimbit milik kedua-dua suspek utama serta wang rasuah bernilai kira-kira RM3,000 ditemukan.

Siasatan awal mendapati wang tunai dan telefon bimbit itu mempunyai kaitan dengan transaksi rasuah.

Bagi setiap pasport yang dicop tanpa kehadiran pemilik pasport, semua suspek akan menerima wang rasuah kira-kira RM200.



Empat pegawai penguat kuasa yang disyaki menerima rasuah bagi kegiatan 'pasport terbang' direman enam hari bermula semalam.  
(Foto Ismail Osman/BH)



BERITA HARIAN  
28.07.2025 (ISNIN)

# Empat direman skandal 'pasport terbang'

Disyaki terima rasuah di Kompleks CIQ BSI

Oleh SHAHRIZAL AHMAD ZAINI  
JOHOR BAHRU

**E**mpat pegawai penguat kuasa direman enam hari selepas disyaki menerima rasuah kira-kira RM3,000 ketika bertugas di kaunter penyeliaan zon masuk motosikal sempadan Johor-Singapura di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI).

Perintah reman dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Johor Bahru, Mohammad Izham Mohd Aliyas sehingga 1 Ogos selepas permohonan dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 pada Ahad.

Semua suspek lelaki berusia lingkungan 20-an hingga 40-an diringi pegawai SPRM tiba di pekarangan mahkamah jam 9.18 pagi dengan berpakaian lokap berwarna jingga.

Terdahulu, dua pegawai penguat



Empat pegawai penguat kuasa tiba di pekarangan Mahkamah Johor Bahru untuk perintah reman.



kuasa ditahan Unit Pematuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) dalam satu pemeriksaan mengejut kerana disyaki terbabit dalam kegiatan salah laku 'pasport terbang' dikesan di Kompleks CIQ BSI pada Jumaat.

Susulan tangkapan itu, dua lagi pegawai penguat kuasa ditahan kerana disyaki bersubahat dalam kegiatan sama.

Hasil pemeriksaan terhadap suspek menemukan 14 pasport

asing, empat telefon bimbit serta wang tunai kira-kira RM3,000 dipercayai hasil aktiviti rasuah.

Difahamkan, bayaran sekitar RM200 dikenakan bagi setiap pasport dicop tanpa kehadiran pemilik dan semua suspek dipercayai merima imbuhan hasil perbuatan tersebut.

SPRM kini turut menyiasat kemungkinan wujud pembabitan lebih ramai pegawai termasuk kewujudan sindiket lebih besar di sebalik kegiatan berkenaan.



# HARIAN METRO

28.07.2025 (ISNIN)



Oleh Ismail Osman  
am@hmetro.com.my

## Johor Bahru

**E**mpat pegawai penguatan kuasa yang disyaki menerima rasuah kira-kira RM3,000 susulan pembongkaran 'pasport terbang' di kaunter penyeliaan zon masuk motosikal di sempadan Johor-Singapura direman enam hari bermula semalam.

Perintah reman ke atas semua suspek berusia lingkungan 20 hingga 40-an itu sehingga 1 Ogos ini dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Johor Bahru Muhammad Izham Mohd Aliyas.

Permohonan reman itu dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, keempat-empat suspek yang berpakaian lokap SPRM dan bergari tiba di pekarangan Mahkamah Johor Bahru jam 9.18 pagi.

Kelmarin, mereka ditahan di pejabat SPRM Johor kerana disyaki menerima rasuah bagi kegiatan pasport terbang berkenaan.

### INFO

•Hasil penahanan suspek, sebanyak 14 pasport warga asing, empat telefon bimbit milik kedua-dua suspek utama serta wang rasuah bernilai kira-kira RM3,000 ditemukan



EMPAT pegawai penguatan kuasa disyaki terabit dengan pembongkaran 'pasport terbang' di kaunter penyeliaan zon masuk motosikal di sempadan Johor-Singapura direman enam hari. - Gambar NSTP/ISMAIL OSMAN

## PASPORT TERBANG

# Empat dalang disyaki terima RM3k direman

Dua suspek utama ditahan Unit Pematuhan Agenси Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) ketika pemeriksaan dilakukan di kaunter Jumaat lalu.

Susulan itu, dua lagi pegawai penguatan kuasa ditahan kerana disyaki bersabahat dalam kegiatan berkenaan.

Hasil penahanan itu se-

banyak 14 pasport warga asing, empat telefon bimbit milik kedua-dua suspek utama serta wang rasuah bernilai kira-kira RM3,000 ditemukan.

Siasatan awal mendapati wang tunai dan telefon bimbit itu mempunyai kaitan dengan transaksi rasuah melibatkan kegiatan berkenaan. Bagi setiap satu pasport yang dicop tanpa kehadiran pemilik pasport, kesemua suspek akan menerima wang rasuah bernilai kira-kira RM200.





## Rasuah: Tiga pegawai PBT direman

KUALA TERENGGANU – Tiga pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini direman enam hari bermula Isnin bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menerima rasuah berjumlah kira-kira RM25,000 sebagai balasan memudahkan kelulusan permohonan pelan bangunan.

Perintah reman sehingga 2 Ogos depan dikeluarkan Majistret Yuhani Mohd Roslan selepas membenarkan permohonan dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu di Mahkamah Majistret di sini pada Isnin.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek terdiri daripada dua lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 40 hingga 50-an itu ditahan kira-kira jam 2.30 petang selepas hadir memberikan keterangan di pejabat SPRM Terengganu pada Ahad.

"Siasatan awal mendapati mereka dipercayai menerima wang rasuah melalui beberapa transaksi pemindahan wang ke akaun bank peribadi masing-masing da-

ripada sebuah syarikat yang terlibat dalam permohonan pelan kelulusan bangunan.

"Jumlah keseluruhan rasuah dianggarkan sekitar RM25,000 melibatkan 14 projek antara tahun 2015 hingga 2019," katanya pada Isnin.

Difahamkan, penahanan tiga pegawai terbabit susulan siasatan kes rasuah membabitkan nilai kira-kira RM900,000 melibatkan seorang pengarah sebuah agensi kerajaan yang ditahan pada Januari lalu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan ketiga-tiga berkenaan.

Beliau memberitahu, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

"SPRM tidak menolak kemungkinan akan ada beberapa lagi tangkapan susulan dalam masa terdekat bagi membantu siasatan," katanya.

Sinar Harian - 29/7/2025 - Selasa



Ops Metal

## Datuk Seri antara 32 individu sudah dirakam keterangan

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah merakam keterangan 32 individu termasuk seorang bergelar Datuk Seri, berkait sindiket penyeludupan besi buruk serta sisa buangan elektrik dan elektronik (e-waste) di lima negeri yang ditumpaskan menerusi Ops Metal baru-baru ini.

Sumber berkata, siasatan sedang diteruskan bagi mengenal pasti elemen rasuah mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 18 Akta SPM 2009.

"SPRM sudah mengambil keterangan seorang lelaki bergelar Datuk Seri yang sedang disiasat SPRM itu dipercayai antara individu yang terbabit dalam kegiatan menyeludup besi buruk ke luar negara bagi mengelak cukai eksport.

Sindiket berkenaan dikesan selepas SPRM melancarkan operasi serbu di lima negeri, mem-

kan buat masa ini," katanya di sini, semalam.

Sumber berkata, jumlah sitaan dan pembekuan akaun yang dibuat setakat ini melebihi RM332 juta.

Sebelum ini, media melaporkan kegiatan menyeludup keluar besi buruk untuk tujuan eksport dilakukan dengan mengikarkan barang terbabit sebagai jentera dan logam lain yang tidak tertakluk kepada cukai eksport sebanyak 15 peratus seperti ditetapkan kerajaan.

Sumber berkata, siasatan sedang diteruskan bagi mengenal pasti elemen rasuah mengikut Seksyen 16 dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Ahli perniagaan bergelar Datuk Seri yang sedang disiasat SPRM itu dipercayai antara individu yang terbabit dalam kegiatan menyeludup besi buruk ke luar negara bagi mengelak cukai eksport.

SPRM melalui Ops Metal bermula 14 Julai lalu mendedahkan penyeludupan skrap logam menyebabkan kerugian hasil lebih RM950 juta kepada negara dalam tempoh enam tahun, atau purata RM160 juta setahun.

bongkar kerugian hasil cukai negara dianggarkan melebihi RM950 juta dalam tempoh enam tahun.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin, sebelum ini mengesahkan nilai sitaan aset dan akaun yang dibekukan berkait kes ini mencapai RM332 juta.

Angka berkenaan termasuk pembekuan 324 akaun bank membabitkan 142 milik syarikat dan 182 milik individu dengan nilai hampir RM150 juta, selain sitaan aset bernilai kira-kira RM183 juta.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek terdiri daripada dua lelaki dan seorang wanita berusia

40-an hingga 50-an ditahan jam 2.30 petang semalam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu.

"Siasatan awal mendapati ketiga-tiga suspek disyaki melakukan perbuatan terbabit dari 2015 hingga 2019.

"Ketiga-tiga suspek dipercayai menerima rasuah dalam jumlah berbeza yang keseluruhannya bernilai kira-kira RM25,000 melalui transaksi pemindahan wang ke akaun peribadi masing-masing membabitkan 14 projek," katanya.



Tiga pegawai PBT direman sehingga 3 Ogos ini.

(Foto ihsan SPRM)

## Tiga pegawai PBT direman terima rasuah RM25,000



HARIAN METRO  
29.07.2025 (SELASA)



PEGAWAI SPRM membawa tiga pegawai PBT ke Mahkamah Majistret Kuala Terengganu, semalam.

**DISYAKI MENERIMA SUAPAN RM25,000**

# Tiga pegawai PBT kena reman 6 hari



Oleh Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my

## Kuala Terengganu

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu menahan tiga pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana disyaki menerima suapan kira-kira RM25,000 sebagai balasan memudahkan urusan permohonan pelan kelulusan bangunan.

Majistret Yuhanis Mohd

Roslan kemudiannya mengeluarkan perintah reman selain enam hari selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Kuala Terengganu pagi semalam.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek terdiri daripada dua lelaki dan seorang wanita berusia 40 dan 50-an ditahan kira-kira jam 2.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Terengganu.

"Siasatan awal mendap-

ati semua suspek disyaki melakukan perbuatan itu dari 2015 hingga 2019.

"Mereka dipercayai menerima rasuah dengan jumlah berbeza yang keseluruhannya berjumlah RM25,000 melalui transaksi pemindahan wang ke akaun bank peribadi masing-masing daripada sebuah syarikat," katanya.

Sumber memberitahu, tangkapan itu adalah susulan seorang pengarah sebuah agensi kerajaan ditahan pada Januari lalu

membabitkan rasuah berjumlah RM900,000.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan ketiga-tiga suspek dan kes disiasat di mengikut Seksyen 17(a) ASPRM 2009.

Menurutnya, dengan tertangkapnya suspek terbabit, beliau juga tidak menolak kemungkinan beberapa siri tangkapan susulan akan dibuat bagi membantu siasatan.





**Georgetown:** Dua pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ditahan, kelmarin, bagi membantu siasatan kes *'counter-setting'* membatikan kemasukan warga asing ke Malaysia.

Suruhanjaya Pencega-

## Dua pegawai JIM ditahan kes 'counter-setting'

han Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang menerusi kenyataan semalam berkata, mereka ditahan pada operasi khas berkai-

tan kegiatan penyalahgunaan kuasa dan rasuah di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

"Hasil maklumat risikan, SPM Pulau Pinang menahan dua pegawai Imigresen bagi membantu siasatan.

"Penahanan dibuat mengikut Akta SPRM 2009 [Akta 694] dan siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti jari-

ngan dan taktik digunakan," katanya, semalam.

Sehubungan itu, orang ramai diminta tampil menyalurkan maklumat sekeranya mengetahui sebarang aktiviti rasuah dalam sektor awam dan swasta.





MAHKAMAH Majistret Temerloh membenarkan SPRM menahan reman dua pegawai polis dan seorang pesara kerana disyaki menerima suapan RM110,000.

**Temerloh:** Dua pegawai termasuk seorang ketua bahagian di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di Pahang dan seorang pesara polis direman tujuh hari mulai semalam bagi membantu siasatan kerana disyaki menerima rasuah RM110,000.

Perintah reman dikeluar kan Majistret Tan Chiew King selepas meneliti permohonan dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Temerloh, kira-kira jam 10 pagi.

Sumber maklumkan, suspek disyaki meminta

## Tiga disyaki makan suap RM110,000 direman 7 hari

dan menerima suapan sebagai balasan tidak mengganggu dan melindungi kegiatan pengedaran dadah dan air ketum di daerah terbabit.

Menurutnya, pegawai polis ditahan terbabit masing-masing berpangkat Asisten Superintendant Polis dan Inspektor serta pesara Sarjan Mejar yang berusia antara 30 dan 50 tahun.

Katanya, suspek ditahan

ketika ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Cawangan Temerloh, kira-kira jam 8.30 malam kelmarin.

"Berdasarkan siasatan awal mereka disyaki menerima rasuah 2022 dan 2024. Salah seorang pegawai polis terbabit dipercayai menerima suapan secara bulanan antara RM4,000 dan RM5,000.

"Wang itu diterima melalui transaksi pemindahan

wang ke akaun bank suspek sebelum diagihkan kepada pegawai polis lain," katanya.

Pengarah SPRM Pahang, Mohd Shukor Mahmud, mengesahkan penahanan itu dan katanya kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, seorang lagi anggota polis turut dipanggil memberi keterangan tetapi dibebaskan dengan jaminan SPRM.



SINAR HARIAN  
30.07.2025 (RABU)

# Dua pegawai imigresen ditahan di LTAPP

Disyaki terbabit *counter setting*, jaringan dan modus operandi disiasat

Oleh SYAJARATULHUDA  
MOHD ROSLI  
GEORGE TOWN

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang menahan dua pegawai Jabatan Imigresen Malaysia selepas disyaki terlibat dalam kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) pada Isnin.

SPRM menerusi kenyataan pada Selasa memaklumkan, kedua-dua pegawai wanita berusia 45 dan 48 tahun itu ditahan menerusi satu operasi khas selepas disyaki terlibat dalam kegiatan *counter setting* iaitu membenarkan kemasukan warga asing ke negara ini tanpa melalui proses tapisan dan pemeriksaan imigresen yang sepatutnya.



Dua pegawai imigresen wanita tersebut ditahan menerusi satu operasi khas hasil maklumat risikan SPM.

"Kegiatan ini melibatkan elemen salah guna kuasa oleh pegawai bertugas di lapangan terbang yang secara sengaja membenarkan warga asing masuk ke Malaysia tanpa melalui prosedur sah.

"Hasil maklumat risikan yang diterima, SPM Pulau Pinang telah menahan dua individu bagi membantu siasatan di bawah Akta SPM 2009," menurut kenyataan itu.

Menurut SPM, siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal

pasti jaringan serta modus operandi keseluruhan kumpulan berkenaan.

SPRM menegaskan, pihaknya tidak akan berkompromi terhadap mana-mana individu yang terlibat dalam aktiviti rasuah atau salah guna kuasa khususnya dalam sektor penguatkuasaan.

"SPRM kekal komited dalam usaha membanteras rasuah serta memastikan integriti dan keselamatan negara terus terpelihara," menurut kenyataan itu lagi.